

bahawa Hiraqlu (Hercules)⁶⁷ mengutuskan orang untuk menjemput beliau bersama rombongan pedagang Quraisy yang berada di Syam.⁶⁸ Peristiwa ini berlaku pada masa Rasulullah s.a.w. mengadakan perjanjian damai dengan Abu Sufyan dan orang-orang kafir Quraisy.⁶⁹ Mereka pun pergi mengadap Hiraqlu yang sedang berada di Iliya' bersama pembesar-pembesarnya.⁷⁰ Hiraqlu menjemput mereka ke majlisnya. Pada ketika

⁶⁷ Nama maharaja Rom yang hidup sezaman dengan Rasulullah s.a.w. Dialah yang berperang dengan Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dalam peperangan Mu'tah dan Tabuk. Beliau sempat memerintah selama 31 tahun. Rasulullah s.a.w. wafat ketika Hiraqlu masih lagi memerintah. Qaishar adalah gelaran maharaja Rom. Sebagaimana gelaran maharaja Farsi dipanggil Kisra, maharaja Habasyah dipanggil Najasyi, maharaja Turki dipanggil Khaqan, maharaja Qibti dipanggil Fir'aun, maharaja Mesir dipanggil 'Aziz dan maharaja Himyar pada ketika itu dipanggil Tubba', maka maharaja Rom dipanggil Qaishar. Oleh kerana hadits ini mengandungi kisah Hiraqlu, ia lebih dikenali dengan nama hadits Hiraqlu. Imam Bukhari mengemukakan hadits Hiraqlu ini pada 13 tempat. Pada tiga tempat daripadanya dikemukakannya secara terperinci, manakala pada sepuluh tempat lagi dikemukakan secara ringkas sahaja. Salah satu haditsnya yang terperinci itu ialah yang sedang anda hadapi sekarang.

⁶⁸ Pada ketika itu Abu Sufyan sering berulang alik mengepalai rombongan pedagang Quraisy dari kota Mekah ke Syam yang merupakan jajahan ta'lukan Rom. Wilayah Syam yang dijajah Rom pada masa itu tidak terhad setakat Syria sahaja, malah jajahannya merangkumi Jordan, Palestin, Lubnan dan Israil pada hari ini. Mesir juga pada ketika itu berada di bawah jajahan Rom.

⁶⁹ Perjanjian damai yang dimaksudkan ialah Perjanjian Hudaibiah yang dimeterai pada tahun keenam Hijrah di antara orang-orang Islam dan orang-orang kafir Quraisy. Antara resolusi perjanjian tersebut ialah: (1) Kedua-dua belah pihak harus mematuhi ketetapan isi perjanjian yang digariskan. (2) Gencatan senjata dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak. (3) Tempoh gencatan senjata adalah selama sepuluh tahun menurut sesetengah sumber, termasuk riwayat Abu Daud yang dikemukakan oleh Ibnu 'Umar r.a. dan riwayat Ibnu Ishaq. Namun sesetengah riwayat yang lain pula mencatat tempoh tersebut hanya sekitar empat tahun sahaja. Riwayat yang sahih ini juga tercatat di dalam *Mustadrak Hakim*. Perjanjian damai yang dimeterai itu ternyata memberi faedah kepada kedua-dua belah pihak. Orang-orang kafir Quraisy misalnya dapat menjalankan perniagaan mereka tanpa bimbang akan menghadapi gangguan daripada orang-orang Islam yang kebetulannya berada di tengah laluan dagang mereka. Manakala Nabi s.a.w. pula dapat mengambil peluang dalam tempoh itu untuk menumpukan perhatian kepada gerakan da'wah baginda, dengan mengutus surat-surat kepada raja-raja di sekeliling tanah Arab dan sebagainya. Pada kesempatan itulah Rasulullah s.a.w. mengutus surat kepada Hiraqlu. Dalam tempoh perjanjian itu juga Abu Sufyan dapat menguruskan perniagaan yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi penduduk Mekah dengan lancar, tenang dan selesa.

⁷⁰ Mereka terdiri daripada menteri, pegawai-pegawai kanan dan paderi. Dalam tempoh perjanjian damai itulah juga Hiraqlu menerima warqah daripada Rasulullah s.a.w. yang menyerunya memeluk agama Islam. Warqah tersebut di bawakan oleh utusan khas Baginda yang disandang

oleh Dihyah bin Khalifah al-Kalbi. Namun mengikut protokol raja-raja di zaman itu, sesuatu warqah tidak boleh dibawa terus kepada sang raja. Jadi Dihyah telah menyerahkannya kepada pembesar Bushra yang menjadi gabenor ta'lukan Rom di wilayah itu. Sesetengah ahli sejarah mengatakan, pembesar tersebut menyarankan agar Dihyah membawa sendiri warqah berkenaan kepada Hiraqlu, memandangkan beliau pada ketika itu sedang berada di Iliya'. Namun ahli-ahli sejarah yang lain pula mengatakan, pembesar tersebut mewakili utusan beliau sendiri untuk membawa warqah berkenaan kepada Hiraqlu. Dalam usaha ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang latar belakang lelaki yang menda'wa menjadi nabi itulah beliau menjemput rombongan dagang yang dipimpin Abu Sufyan mengadapnya. Pada ketika itu beliau dan pembesar-pembesarnya sedang berada di Iliya', sebuah bandar yang terletak di Palestin berdekatan dengan Baitul Maqdis. Tujuan lawatan Hiraqlu ke kota Iliya' ialah untuk memenuhi nazar yang telah dipancang beliau sebelum itu bahawa jika kerajaan Rom berjaya mengalahkan kerajaan Parsi, beliau bertekad akan berjalan kaki daripada Hims yang sekarang berada di Syria ke Iliya'. Selain kota Rom, kerajaan Rumawi telah menjadikan Qustantiniyah (Konstantinopel) yang terletak di Turki sebagai pusat pentadbiran keduanya bagi memudahkan beliau berulang alik ke Syria, Mesir, Palestin dan jajahan sekitarnya. Sejarah peperangan di antara kerajaan Rom dan Parsi yang merupakan dua kuasa besar yang telah berjaya membina empayar penguasaan mereka tersendiri sebenarnya telah berlarutan sejak sekian lama. Namun setelah menghadapi peperangan demi peperangan, akhirnya pada tahun ke 4 atau ke 5 kerasulan Baginda s.a.w., kemenangan berpihak kepada Parsi dan Rom mengalami kekalahan teruk yang menyaksikan Mesir dan Syria yang sebelum itu berada di bawah jajahan ta'luk Rom telah jatuh ke tangan kerajaan Parsi. Peristiwa kemenangan Parsi itu telah disambut meriah oleh orang-orang kafir Quraisy yang sememangnya lebih berpihak kepada negara penyembah api itu, lantaran terdapatnya sudut kesamaan di antara kepercayaan dan akidah mereka yang menyekutukan Allah. Orang-orang Islam pula memihak kepada bangsa Rom selaku Ahli Kitab yang pada asalnya ber'aqidah Tauhid. Justeru mereka pada ketika itu tetap menyuarakan keyakinan bahawa bangsa Rom akan kembali menang. Perang dingin di antara orang-orang kafir dan orang-orang Islam telah mendorong Saiyyidina Abu Bakar r.a. menahut cabaran orang-orang kafir yang meletakkan seratus ekor unta sebagai pertaruhan sekiranya orang-orang Rom mampu bangkit kembali mengalahkan kerajaan Parsi. Hukum haram pertaruhan seumpama itu belum lagi ada. Maka Nabi s.a.w. menyarankan kepada Abu Bakar agar tempoh paling lama yang harus beliau pertaruhkan ialah selama sembilan tahun berpandukan firman Allah di dalam beberapa ayat dari Surah Ruum berikut:

الْمَغْلِبَتِ الرُّومُ ۚ فِي آدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلَبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ ۚ فِي بَضْعِ سِنِينَ ۚ لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدِ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ ۚ بَنَصْرَ اللَّهِ يَنْصُرُ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ۚ وَعَدَ اللَّهُ لَا تُخْلَفُ ۚ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ۚ يَعْلَمُونَ ظَنهْرًا مِنَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَهُمْ عَنْ الْآخِرَةِ هُمْ غَفْلُونَ ۚ

Bermaksud: 1. Alif, Laam, Miim. (1) Orang-orang Rom telah dikalahkan - (2) di negeri yang dekat sekali; dan mereka sesudah dikalahkan itu akan menang - (3) dalam masa tidak sampai sepuluh tahun. Kepada pentadbiran Allah jualah terpulang segala urusan, sebelum dan sesudah (mereka menang); dan pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang-orang yang beriman

itu beliau di kelilingi pembesar-pembesarnya lalu beliau menjemput juru bahasanya. Seterusnya beliau bertanya, “Siapa di antara kamu yang paling hampir keturunannya dengan orang yang menda’wa dirinya sebagai Nabi itu? Abu Sufyan berkata, saya menyahut dengan mengatakan: “Sayalah orang yang paling hampir dangannya.”⁷¹ Maka Hiraqlu memerintahkan, “Dekatkan dia dan sahabat-sahabatnya kepadaku dan letakkan mereka di belakangnya”. Seterusnya beliau berkata kepada juru bahasanya, “Katakan kepada mereka, saya akan bertanya dia (Abu Sufyan) berhubung dengan orang ini (yang

akan bergembira - (4) dengan kemenangan yang diberi Allah. Dia memberi kemenangan kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan Dialah Maha Perkasa lagi Maha Mengasihani. (5) Demikian dijanjikan Allah. Allah tidak pernah mengubah janjiNya, akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (6) Mereka hanya mengetahui perkara yang zahir nyata dari kehidupan dunia sahaja; dan mereka tidak pernah ingat hendak mengambil tahu tentang hari akhirat. (7) (ar-Ruum: 1- 7).

Kerana perkataan **بضع سنين** bererti bilangan di antara tiga hingga sembilan. Jadi **في بضع سنين** yang disebut Allah dalam ayat (4) Surah ar-Ruum itu menunjukkan satu tempoh yang tentunya tidak akan mencecah sepuluh tahun. Akhirnya pada tahun ke dua Hijrah, bangsa rom kembali mengalahkan bangsa Parsi. Pada tahun yang sama juga orang-orang Islam telah mengalahkan orang-orang kafir Quraisy dalam peperangan Badar. Tempoh antara kekalahan bangsa rom pada tahun 614-615M dengan kemenangan yang dicapai mereka pada tahun 622M adalah kira-kira tujuh tahun. Dengan itu berjayalah Abu Bakar meraih kesemua pertaruhan yang dipasang mereka sebelum itu. Walau bagaimanapun, hanya pada tahun ke enam atau ketujuh Hijrah, iaitu selepas keadaan keseluruhan wilayah jajahannya terkawal, barulah Hiraqlu memulakan perjalanannya demi menunaikan nazar yang telah dibuatnya. Selain merupakan seorang maharaja sebuah empayar yang sangat besar, Hiraqlu juga merupakan seorang yang sangat ‘alim dalam agama Kristian. Malah pengetahuannya dalam agama tersebut setaraf dengan ketua paderi yang berada di kota Rom. Oleh sebab itulah beliau amat berminat untuk menyiasat tentang latar belakang nabi yang ditunggu-tunggu oleh golongan Ahli Kitab selama ini.

⁷¹ Dalam usaha memastikan latar belakang lelaki yang menda’wa menjadi Nabi itu bertepatan dengan ma’lumat yang telah sedia ada pada beliau sebelumnya, Hiraqlu mengajukan beberapa soalan berkenaan dengan kenabian sebagaimana yang diketahuinya. Tujuan beliau memilih orang yang paling hampir keturunannya dengan nabi tersebut sebelum memulakan sesi soal jawabnya ialah untuk memastikan bahawa orang yang akan ditanya nanti tidak akan mudah memperburuk-burukkan orang yang berasal daripada darah dagingnya sendiri. Selain ia tentunya lebih tahu tentangnya berbanding orang-orang lain. Lantas soalannya itu disahut oleh Abu Sufyan yang silsilah keturunannya bertaut dengan Nabi s.a.w. pada Abdi Manaf. Silsilah keturunan Rasulullah s.a.w. ialah seperti berikut: Muhammad bin ‘Abdillah bin ‘Abdil Mutthalib bin Hasyim bin ‘Abdi Manaf. Silsilah keturunan Abu sufyan pula ialah: Abu Sufyan (Shakhr) bin Harb bin Umaiyah bin ‘Abdi Syams bin ‘Abdi Manaf.

menda'wa sebagai Nabi). Jika dia berdusta denganku, kamu dustakannya.”⁷² Kata Abu Sufyan: “Demi Allah, jikalau tidak kerana malu mereka akan mendustakan daku nescaya aku berdusta mengenainya”.⁷³ Kemudian perkara yang mula-mula sekali beliau bertanya saya tentangnya (Rasulullah) ialah bagaimana keturunannya di kalangan kamu? Saya menjawab, “Dia berketurunan mulia”.⁷⁴ Hiraqlu terus bertanya, “Adakah sesiapa menda'wa demikian sebelumnya.” Saya jawab, “tidak ada.” Kata Hiraqlu: “Adakah di antara nenek moyangnya raja?”. Saya menjawab, “Tidak ada.” Hiraqlu bertanya lagi,

⁷² Setelah Abu Sufyan dijemput mengadap beliau, Hiraqlu memerintahkan agar setiap orang daripada rombongan Abu Sufyan turut hadir dan mereka ditempatkan di belakang Abu Sufyan. Lalu beliau memerintahkan mereka supaya mendustakan setiap kenyataan Abu Sufyan yang bercanggah dengan kebenaran yang mereka ma'lumi. Di situ Abu Sufyan mula menyedari bahawa beliau tidak berpeluang langsung untuk memburuk-burukkan Nabi s.a.w., sekali gus gagal meraih sokongan daripada maharaja Rom itu setelah ‘terperangkap’ dalam kebijaksanaan beliau. Salah satu sebab kenapa Hiraqlu meletakkan sahabat-sahabat Abu Sufyan di belakangnya ialah manusia sering kali takut, malu alah atau bersimpati dengan seseorang yang dihormatinya, apabila ia bertentang mata dengannya.

⁷³ Kata Abu Sufyan: فَوَاللَّهِ لَوْلَا الْحَيَاءُ مِنْ أَنْ يَأْتُرُوا عَلَيَّ كَذِبًا لَكُذَّبْتُ عَنْهُ. Bermaksud: “Demi Allah, jikalau tidak kerana malu mereka akan mendustakan daku nescaya aku berdusta mengenainya”, telah ditafsirkan oleh para ulama hadits dengan tiga maksud berikut: (1) Abu Sufyan bimbang bahawa para pengikutnya akan mendustakannya dan menjatuhkan air mukanya di hadapan Hiraqlu. (2) Kebimbangan sebenar Abu Sufyan bukanlah beliau akan didustakan pada ketika itu, kerana beliau mungkin telah yakin bahawa para pengikutnya pasti akan membelanya walau dalam keadaan bagaimana sekalipun, sebaliknya sebagai seorang pemimpin kaum, beliau lebih bimbangkan kredibiliti beliau akan tercalar bila kebohongan besarnya terbongkar pada suatu hari kelak. (3) Kata-kata Abu Sufyan itu sebenarnya boleh juga diterjemahkan begini: “Demi Allah, jikalau tidak kerana malu mereka akan menyebarkan dustaku (terhadap Hiraqlu di kemudian hari), niscaya aku berdusta tentangnya (Muhammad).” Mafhum terjemahan ini ialah Abu Sufyan bimbang dustanya akan tersebar dengan meluas di kalangan penduduk Mekah. Oleh kerana orang-orang Mekah selalu pergi ke Syam untuk berdagang, boleh jadi cerita dusta besarnya itu akhirnya sampai ke pengetahuan Hiraqlu. Apa akan terjadi kalau maharaja itu naik berang dan murka terhadapnya? Sama ada ia dan kawan-kawannya ditangkap dan dihukum atau boleh jadi juga mereka tidak akan dibenarkan memasuki Syam buat selama-lamanya. Oleh kerana kedua-dua keadaan tersebut merupakan akibat buruk daripada berdusta di hadapan Hiraqlu, Abu Sufyan tak jadi berdusta. Pendapat ketiga ini dikemukakan oleh Maulana Syabbir Ahmad al-'Utsmani di dalam Syarah Bukharinya yang bernama “Fadhlul Baari”.

⁷⁴ Ini adalah terjemahan kepada kata-kata Abu Sufyan: هُوَ فِينَا ذُو نَسَبٍ. Tanwin yang berada di akhir perkataan ذُو نَسَبٍ itu adalah tanwin untuk memberi ma'na ta'dzim (memuliakan). Demikian kata Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini, al-Qasthallaani, as-Suyuthi dan lain-lain. Itulah sebabnya penulis menambahkan perkataan ‘mulia’ di akhirnya.

“Adakah orang-orang bangsawan mengikutnya atau orang-orang lemah?” Saya menjawab: “Bahkan orang-orang lemah.” Kata Hiraqlu: “Adakah mereka semakin bertambah atau semakin berkurang?” Saya menjawab, “Bahkan semakin bertambah.” Dia terus bertanya, “Adakah sesiapa daripada pengikutnya berpaling tadah kerana bencikan agamanya setelah menganut agamanya?”⁷⁵ Saya menjawab, “Tidak ada.” Dia bertanya pula, “Adakah dia pernah dituduh berdusta sebelum menda’wa sebagai Nabi?” Saya menjawab, “Tidak pernah.” Hiraqlu berkata, “Adakah dia pernah mengkhianati sesuatu perjanjian yang dibuatnya?” Saya menjawab, “Tidak pernah, tetapi kami masih dalam perjanjian dan kami tidak tahu apa yang dilakukannya dalam perjanjian ini.” Abu Sufyan berkata, “Saya tidak dapat memasukkan apa-apa ucapan selain daripada ucapan ini (yang mungkin dapat mengurangkan Baginda s.a.w.).” Hiraqlu bertanya, “Adakah kamu pernah berperang dengannya?” Saya menjawab, “Ya.” Kata Hiraqlu, “Bagaimana keadaan peperanganmu dengannya?” Saya menjawab, “Silah berganti, kadang-kadang dia menang kami kalah dan kadang-kadang kami menang dia yang kalah.” Kata Hiraqlu lagi, “Apa yang diajarnya kepada kamu?” saya menjawab, “Dia mengatakan, “Sembahlah Allah semata-mata dan janganlah kamu mempersekutukan sesuatu dengannya. Tinggalkan ajaran (syirik) nenek moyangmu. Dia (juga) menyuruh kami bersembahyang, bercakap benar, meninggalkan perkara-perkara keji dan mempereratkan hubungan

⁷⁵ Kebanyakan ulama apabila sampai di sini membuat contoh ‘Ubaidullah bin Jahsyin, bekas suami Ummu Habibah sebagai salah seorang sahabat yang menjadi murtad bukan kerana bencinya kepada agama Islam, tetapi kerana kepentingan peribadi atau kepentingan duniawi. Bagi penulis, asas bagi cerita ‘Ubaidullah murtad lalu memeluk agama Kristian itu sebenarnya tidak kukuh dan tidak boleh dipertanggungjawabkan, disebabkan ia hanya berpunca daripada riwayat yang dha’if. Jawapan Abu Sufyan yang menafikan langsung keadaan seperti itu ada berlaku merupakan sebaik-baik bukti untuk menolak cerita-cerita seperti itu. Untuk mengatakan Abu Sufyan tidak mengetahui tentang kejadian itu agak tidak masuk ‘aql, kerana Abu Sufyan itu adalah mertua ‘Ubaidullah sendiri. Hadits-hadits yang sahih hanya menyebutkan ‘Ubaidullah dan isterinya Ummu Habibah termasuk antara sahabat yang telah berhijrah ke Habasyah dan beliau meninggal dunia di sana. Itu saja. Kisah beliau murtad dengan memeluk agama Kristian, itu hanya berpunca daripada riwayat-riwayat Ibnu Lahi’ah seorang perawi dha’if, Ibnu Ishaq (juga seorang perawi dha’if) dan al-Waaqidi seorang pendusta besar. Riwayat Ibnu Lahi’ah dan Ibnu Ishaq adalah mursal. Riwayat yang muttashil pula hanya daripada orang seperti al-Waaqidi! Siapa ‘Ubaidullah itu sehingga peribadinya dihaina sebegitu rupa? Bukankah dia seorang sahabat Rasulullah s.a.w. yang terbilang sebagai salah muhajirin as-Sabiqin al-Awwalin?? Berhati-hati, anda sedang mengatai seorang sahabat utama Rasulullah s.a.w.!

kekeluargaan.” Hiraqlu pun berkata kepada penterjemahnya, “Katakan kepadanya, aku telah bertanya kamu tentang keturunannya, kamu mengatakan bahawa dia berketurunan mulia. Begitulah para Rasul, mereka diutus dari kalangan kaumnya yang berketurunan mulia.⁷⁶ Saya telah bertanya kamu, adakah seseorang dari kamu telah menda’wa seperti yang dida’wanya ini. Kamu mengatakan, “tidak ada.” Kalaulah ada seseorang telah menda’wa begitu, nescaya saya berkata, dia ingin menurut jejak langkah orang sebelumnya.⁷⁷ Saya telah bertanya kamu adakah sesiapa dari nenek moyangnya raja.

⁷⁶ Kenyataan daripada potongan hadits di atas menunjukkan Islam juga menitikberatkan faktor keturunan seseorang pemimpin masyarakat. Kerana sekiranya seorang yang tidak berketurunan mulia diangkat menjadi pemimpin, maka ianya akan menjadi alasan yang paling ampuh bagi masyarakat untuk menolak kepimpinannya. Justeru, jika terdapat dua calon pemimpin yang mempunyai kelayakkan dan ketaqwaan yang setaraf hendak dilantik, tetapi salah seorang daripada mereka daripada keturunan yang mulia, keutamaan menjadi pemimpin haruslah diberikan kepadanya. Ini kerana faktor keturunan mempunyai kelebihan yang tidak dapat dinafikan. Bukankah Abu Sufyan hanya berkata *هُوَ فِينَا ذُو نَسَبٍ* (dia di kalangan kami adalah seorang yang berketurunan)? Bagaimana penulis menterjemahkannya dengan menambahkan perkataan mulia pula? Jawabnya ialah tanwin yang berada di akhir perkataan *نَسَبٍ* itu adalah tanwin untuk memberi ma’na ta’dzim (memuliakan). Kerana apalah ertinya menceritakan seseorang itu berketurunan semata-mata. Bukankah setiap orang ada keturunan masing-masing? Sesetengah ulama mengemukakan dua riwayat lain untuk menjelaskan kata-kata Abu Sufyan di sini. Kedua-dua riwayat itu jelas menunjukkan Nabi s.a.w. memang berketurunan mulia. (1) Di dalam riwayat Ibnu Ishaq tersebut bahawa apabila Hiraqlu bertanya Abu Sufyan: *كيف نسبه فيكم* (Bagaimana keturunannya di kalangan kamu?). Abu Sufyan menjawab: *في الذروة* (di puncak). Riwayat ini tidak sahih kerana Ibnu Ishaq telah meriwayatkannya daripada Zuhri daripada seorang paderi. Jadi cerita ini berpunca daripada seorang paderi yang tidak diketahui apa namanya. (2) Di dalam hadits Dihyah yang dikemukakan oleh al-Bazaar pula tersebut pertanyaan Hiraqlu begini: *حدثني عن هذا الذي خرج بأرضكم ما هو قال شاب قال كيف حسبه فيكم قال هو في حسب ما* *لا يفضل عليه أحد قال هذه آية النبوة* Bermaksud: “Ceritakanlah kepadaku tentang orang yang keluar (dengan menda’wa menjadi nabi) di negerimu itu, siapa dia? Kata Abu Sufyan: “Dia seorang muda”. Tanya Hiraqlu lagi: “Bagaimana keturunannya di kalangan kamu?”. Jawab Abu Sufyan: “Daripada segi keturunan, tidak ada siapapun melebihinya.” Kata Hiraqlu: “Ini ialah (salah satu) tanda kenabian.” (Lihat Kasyfu al-Astaar ‘An Zawaa’idi al-Bazaar j. 2 m/s 117). Al-Haitsami di dalam Majma’uz Zawaa’id mengatakan, al-Bazaar telah meriwayatkannya daripada Ibrahim bin Ismail bin Yahya bin Salamah daripada ayahnya. Kedua-dua mereka adalah perawi dha’if. Bagi penulis, kita tidak memerlukan kepada riwayat-riwayat dha’if seperti itu. Cukuplah untuk kita riwayat Bukhari yang tersebut di atas dengan syarat ia difahami berdasarkan qaedah bahasa ‘Arab seperti yang dikemukakan tadi.

⁷⁷ Sejarah telah membenarkan kenyataan Hiraqlu di atas dan menyaksikan bahawa semenjak zaman kerasulan Nabi Isa a.s. dalam tempoh kira-kira enam ratus tahun tidak ada seorangpun yang tampil menda’wa menjadi nabi di mana-mana kawasan sekitarnya. Namun sebaik sahaja